

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN

**(PENETAPAN TAWARAN DAN PELAWAAN TERKECUALI DAN TERBITAN
TERKECUALI BAGI BON SEDIA ADA) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 229(1)(b), subseksyen 229(2), perenggan 230(1)(b), subseksyen 230(2) dan subseksyen 257(3) dan (4) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Tawaran Dan Pelawaan Terkecuali Dan Terbitan Terkecuali Bagi Bon Sedia Ada) 2018.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 5 April 2018.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "bon sedia ada" ertinya mana-mana debentur atau sukuk yang mematuhi Rangka Kerja Bon Sedia Ada sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Tawaran dan pelawaan bagi bon sedia ada ditetapkan sebagai tawaran dan pelawaan terkecuali

3. Sesuatu tawaran bagi langganan atau pembelian, atau sesuatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, bon sedia ada ditetapkan sebagai suatu tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali.

Terbitan bagi bon sedia ada ditetapkan sebagai terbitan terkecuali

4. Sesuatu terbitan bon sedia ada ditetapkan sebagai suatu terbitan terkecuali.

Ketakpakaian seksyen 232, 233, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 241 dan 244

5. Seksyen 232, 233, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 241 dan 244 tidak terpakai bagi apa-apa tawaran terkecuali, pelawaan terkecuali atau terbitan terkecuali bon sedia ada.

Ketidakpakaian seksyen 263, 266, 268, 269, 271, 272, 275, 278, subseksyen 280(4) dan (5)

6. Seksyen 263, 266, 268, 269, 271, 272, 275, 278, dan subseksyen 280(4) dan (5) Akta tidak terpakai bagi bon sedia ada.

Dibuat 26 Mac 2018

[KK/SID/(S)/483/669/4JLD.2(SK.11);GC(LR)RETAIL BONDS DISCLOSURE FWORK
1/2017(243)-1;/PN(PU2)662/XIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI

Menteri Kewangan Kedua